



Mad Jack Café

...So Sedap!

oleh Junaldah Jumathat



Adakah anda menghadapi kekusaran setiap kali ingin membawa keluarga pergi makan bersama? Mungkin pasangan anda ingin memakan nasi tapi anak-anak pula inginkan makanan barat seperti fish and chips dan sebagainya. Nak tahu jalan penyelesaiannya? Bawa sahaja mereka untuk menjamu selera di salah sebuah cawangan Mad Jack Café.

Semuanya ada di sini. Bagi yang gemar dengan makanan barat, anda bolehlah mencuba hidangan istimewa Fish & Chips atau Lamb Shank & Mashed Potato. Bagi menepati selera mereka yang harus atau gemar memakan nasi pula bolehlah mencuba Stir-Fry Tomato Beef on Rice atau Psycho Chick Nasi Lemak.

Mereka yang mengamalkan diet sayur-sayuran juga tidak diupayakan. Mock Fish in Honey Lemon Sauce atau Mock Chicken Nuggets & Chips boleh dijadikan sebagai santapan pilihan. Pasti pening kepala anda untuk menentukan yang mana satu untuk dijadikan pilihan!

Saya amat mengesyorkan agar anda mencuba Oz Brown sebagai pencuci mulut. Sedapnya...fuyoo...tak terkata. Walaupun dalam menu kelihatan kecil tapi bila dihidangkan, sukatan yang diberi cukup untuk dikongsi bersama dengan teman. Berbaloi sungguh terutama sekali dalam waktu-waktu kegawatan ekonomi ini.

Memandangkan Encik Jack Chin, pengasas Mad Jack Café, merupakan seorang yang amat menitikberatkan kesihatan, terdapat juga minuman-minuman special yang dikategorikan dibawah nama Doctor Juices. Terdapat beberapa campuran jus buah-buahan untuk anda pilih sekiranya anda merupakan seorang individu yang prihatin tentang kesihatan anda.

Nikmati sahaja-sajian yang menggiurkan di salah sebuah cawangan Mad Jack Café yang terletak di alamat-alamat berikut:

Selegie - Paradiz Centre 01-04/06, 1 Selegie Rd
63389771 / 62575951

Jalan Kayu - 242, Jin Kayu
(bersebelahan URA Car Park)
64831202 / 62575951

Simpang - 304 Bedok Rd, The Market Place
(bersebelahan Tanah Merah MRT)
64458168 / 62575951

Bukit Timah - 6 Duke's Rd
(Bukit Timah Rd sebelum Coronation Plaza)
64624300 / 62575951

Untuk maklumat lanjut, sila lungsurilah laman web Mad Jack Café di alamat berikut <http://www.madjackgroup.com/> atau di talian 62575951. Tunggu apa lagi? Ayuhlah ke Mad Jack Café hari ini juga!